

10 FEB 1998

Hariri-Pulang

PM LUBNAN BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri berlepas pulang petang ini selepas melakukan lawatan dua hari ke Malaysia bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Hariri.

Sebelum itu, Dr Mahathir membuat kunjungan perpisahan kepada Hariri di hotel penginapannya di sini.

Hariri dan anggota delegasi seramai lapan orang termasuk Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Kewangan Fouad Saniora berlepas pulang dengan sebuah pesawat khas kira-kira pukul 4 petang.

Pada sebelah pagi tadi, Hariri melawat Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan menara berkembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang merupakan bangunan tertinggi di dunia.

Pemimpin Lubnan itu turut menyampaikan ucapan pada majlis jamuan tengah hari anjuran Persatuan Bank-bank Malaysia.

Semalam, Hariri mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir dan diterima menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Sempena lawatan itu, beliau dan Dr Mahathir menandatangani memorandum persefahaman berhubung kerjasama dalam bidang maklumat dan penerangan antara kedua-dua buah negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dijadual melawat Lubnan bulan ini bagi meningkatkan hubungan perdagangan Malaysia-Lubnan.

Perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah US\$20.1 juta pada tahun lepas.

Lawatan Hariri dibuat atas undangan Dr Mahathir dan merupakan yang kedua baginya dalam tempoh tiga tahun. Dr Mahathir melawat Beirut pada Jun tahun lepas. -- BERNAMA

RAZ MAM NMO